

EDARAN SURAT HASRAT


31 Oktober hingga 21 November 2025



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

Pejabat Haji akan mengedarkan **Surat Hasrat** kepada pemohon yang berkecualan dari 31 Oktober 2025 menerusi portal MyHajSG.

Para pemohon yang menerima maklumat menerusi emel dan SMS perlu log masuk ke portal untuk memuat turun Surat Hasrat mereka.



[https:// haj.muis.gov.sg](https://haj.muis.gov.sg)



Untuk **MENERIMA**, sila ikuti langkah-langkah berikut:

LANGKAH

1

Tempah Temujanji untuk Pemeriksaan Kesihatan Haji

Setelah menerima Surat Hasrat, anda perlu membuat temujanji dengan pengamal perubatan (doktor) yang berdaftar di Singapura untuk membuat pemeriksaan kesihatan haji. Pemeriksaan ini harus dibuat selewat-lewatnya pada 21 November 2025.



Sila bawa kad NRIC serta Surat Hasrat untuk pengesahan.



LANGKAH

2

Jalani Pemeriksaan Kesihatan Haji

Beritahu doktor anda dengan jelas bahawa anda ingin menjalani Pemeriksaan Kesihatan Haji. Kongsikan maklumat mengenai keadaan kesihatan dan sebarang penyakit yang dihidapi, ubat-ubatan yang diambil, serta masalah pergerakan yang anda hadapi dengan terperinci. Keterangan ini dapat membantu doktor anda untuk membuat penilaian dengan lebih tepat.



LANGKAH

3

Terima Sijil Penilaian Kesihatan

Setelah pemeriksaan kesihatan selesai dijalankan, doktor anda akan memberikan Sijil Penilaian Kesihatan untuk simpanan anda, tanpa mengira hasil penilaian.



Sila simpan Sijil Penilaian Kesihatan tersebut dengan rapi. Pemohon hendaklah menunjukkan sijil ini ketika membeli pakej haji. Kegagalan menyerahkan Sijil Penilaian Kesihatan boleh menyebabkan anda hilang kelayakan membeli pakej dan mendapatkan visa haji.



LANGKAH

4

Buat Keputusan Anda

Anda dikehendaki untuk log masuk ke portal MyHajSG sekali lagi untuk mengesahkan pilihan anda tanpa mengira keputusan yang anda terima.



Keputusan anda harus dilengkapkan selewat-lewatnya pada Jumaat, 21 November 2025.





Penerimaan Surat Hasrat **tidak menjamin** tawaran haji. Pemilihan akhir bergantung kepada giliran anda di dalam sistem pendaftaran haji.



Sekiranya anda **disahkan Sihat**, sila pilih  untuk mengesahkan hasrat anda mengerjakan ibadah haji.

Sekiranya anda **disahkan Tidak Sihat**, anda perlu memilih sama ada untuk:

► **Tangguhkan** ibadah haji anda dan pilih 

► **Buat pembatalan** haji dan pilih 



Para pemohon boleh memilih untuk menangguhkan atau membatalkan permohonan mereka pada bila-bila masa tanpa menjalani pemeriksaan kesihatan sekiranya mereka tidak lagi berhasrat untuk menunaikan haji.